# Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

TAHUN 24 BILANGAN 8 | RABU 21HB. FEBRUARI, 1979. | 1399 رابو 23 ربيع الاول | PERCHUMA


## PERARAKAN MAULUD NABI DI-DAERAH2 TUTONG DAN TEMBURONG





KIRA2 9,500 orang umat Islam di-Daerah2 Tutong dan Temburong telah menyertai perhimpunan dan perarakan Maulud Nabi Mohammad s.a.w. pada hari Ahad lepas. Mereka itu ia-lah dari 82 buah pasokan yang mewakili sekolah2 menengah dan rendah, persatuan2 belia dan kebajikan, Kampong2 dan jabatan2 Kerajaan di-daerah2 tersebut.

Di-Pekan Tutong, lebeh dari 6,000 orang umat Islam telah menyertai perhimpunan dan perarakan bertempat di-Padang Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Nor'ain.

Perhimpunan pada hari itu telah di-isikan dengan bachaan ayat2 suchi Al-Kor'an, sharahan khas dan uchapan2 dari Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Puasa bin Tudin dan sabda Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pg Anak Haji Abdul Aziz bin Pg Jaya Negara Pg Haji Abu Bakar.

Perarakan mengelilingi Pekan Tutong itu telah di-dahului oleh Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pg Anak Haji Abdul Aziz dan ahli2 jawatankuasa sambutan. Pancaragam Pulis Diraja juga turut mengambil bahagian dalam perarakan tersebut.

Sambutan di-Daerah Temburong juga telah di-mulakan dengan perhimpunan di-Padang Sekolah Menengah Melayu Sultan Hassan, Bangar. Achara2-nya juga termasok bachaan ayat2 suchi Al-Kor'an, sharahan khas mengenai riwayat hidup dan ajaran2 Nabi Muhammad s.a.w., uchapan2 Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Awang Haji Yaakub bin Haji Ahmad dan sabda Yang Amat Mulia Pengiran Jaya Negara Pg Haji Abu Bakar bin Pg Umar.

Perarakan mengeliling Pekan Bangar telah di-dahului oleh Yang Amat Mulia Pengiran Jaya Negara Pg Haji Abu Bakar dan ahli2 jawatankuasa sambutan. Pemangku Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Yahya bin Haji Ibrahim juga turut menyertai perarakan tersebut.

Sa-belum kedua2 perarakan itu di-mulakan, Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pg Anak Haji Abdul Aziz dan Yang Amat Mulia Pengiran Jaya Negara Pg Haji Abu Bakar telah di-perkenalkan kapada ketua2 pasokan yang mengambil bahagian.

**GAMBAR atas kiri menunjokkan Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz ketika di-perkenalkan kapada ketua salah sa-buah pasokan yang menyertai perhimpunan dan perarakan di-Pekan Tutong.**

**Gambar di-sebelah kanan pula kelihatan Yang Amat Mulia Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar (di-tengah2) yang telah mengetuai perarakan di-Pekan Bangar. Pemangku Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Yahya bin Haji Ibrahim, Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Awang Haji Yaakub bin Haji Ahmad, YB Pehin Datu Laila Raja Haji Abu Bakar bin Baha dan Pemangku Kadzi Daerah Temburong, Pengiran Badaruddin bin Pg Haji Damit juga turut menyertai perarakan tersebut.**

## *Lima buah pasokan luar negeri sertai perlawanan Polo A-bangsa*

BANDAR SERI BEGAWAN. — Lima buah pasokan Polo, dua dari Semenanjong Malaysia, Singapura, Filipina dan Hongkong di-jadualkan akan menyertai perlawanan polo antarabangsa, yang terbesar pernah di-adakan di-negeri ini. Ia-nya akan di-langsongkan mulai jam 9.00 pagi esok dan berakhir pada 25hb Februari ini.

Perlawanan tersebut di-anjorkan oleh Persatuan Polo Brunei dan di-bahagikan kapada dua bahagian; ia-itu low goal dan high goal untok merebut Piala Presiden dan Piala Kebawah DYMM Sultan.

Lima buah pasokan tuan rumah di-jangka akan menyertai perlawanan itu. Pasokan itu ia-lah: Pasokan Kebawah DYMM Sultan, Perdana Devil, Askar Melayu Diraja Brunei, Pulis Diraja dan Pasokan Jerudong Park.

Achara pembukaan rasmi perlawanan Polo Antarabangsa itu, pada sebelah petang esok jam 2.30 di-Padang Polo Jerudong, di-mana semua perlawanan di-adakan di-situ kechuali satu perlawanan akhir hari Jumaat bertempat di-Padang Polo Berakas.

Pasokan2 yang akan mengambil bahagian dalam high goal ia-lah: Pasokan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan yang akan di-ketuai oleh Kebawah DYMM sendiri, Perdana Devil di-ketuai oleh YTM Pengiran Perdana Wazir, Pasokan Diraja Pahang di-Ketuai oleh Kebawah DYMM Sultan Pahang dan Pasokan Filipina (calatagan).

Sementara itu pasokan yang akan mengambil bahagian dalam low goal ia-lah: Selangor, Singapura, Hongkong, Askar Melayu Diraja Brunei, Pulis Diraja Brunei dan Jerudong Park.

Pasokan Selangor akan di-ketuai oleh Tuanku Syed Amir Putera, Askar Melayu Diraja Brunei di-ketuai oleh YAM Pengiran Sanggamara Diraja, Pulis Diraja Brunei di-ketuai oleh YAM Pengiran Putera Negara sementara Pasokan Jerudong Park di-ketuai oleh YDM Pehin Orang Kaya Pekerma Diraja Dato Setia Haji Abdul Wahab.

Dalam perlawanan tersebut, Persatuan Polo Brunei juga menjemput tiga

Lihat muka 16



**YAM Pengiran Sanggamara Diraja Lt Col Pg Ibnu.**

## 12 orang lulus ijazah Sarjana Muda

BANDAR SERI BEGAWAN.—Sa-ramai 12 orang pegawai dari Jabatan Hal Ehwal Ugama ia-itu bekas penuntut yang di-tarek balek dari Semenanjong Malaysia dalam tahun 1973 telah berjaya menamatkan pengajian mereka dengan memperolehi ijazah Sarjana Muda dari beberapa buah Universiti di-United Kingdom dan Mesir. Mereka itu ada-lah pegawai2 yang di-hantar sa-chara latehan dalam perkhidmatan.

Enam orang dari mereka telah mendapat ijazah Sarjana Muda Sastera dalam berbagai2 jurusan dari beberapa buah universiti dan politeknik di-United Kingdom. Mereka itu ia-lah Awangku Yusof bin Pg Kulla (Sociology/Social Anthropology), Ahmad Bukhari bin PSK Haji Abu Hanifah (Economics), Awang Abd Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Haji Abdul Rahim, Awang Junaidi bin POKPS Dato Paduka Haji Hashim, Awang Muharram bin Piah dan Awangku Abu Bakar bin Pg Haji Sarifuddin masing2 telah lulus dalam jurusan Islamic dan Arabic Studies.

Manakala enam orang lagi yang telah memperolehi ijazah Sarjana Muda dalam Perundangan Islam dari Universiti Al-Azhar. Mereka ia-lah Awang Rajid bin Abd Kadir dan Awang Haji Salim bin Haji Besar (Shariah); Awang Kasim bin Lamat; Awang Haji Mohd Jali bin Abd Latif, Awang Haji Besar bin Abu Bakar dan Awang Adnan bin Zainal masing2 lulus dalam jurusan Usuluddin.

Sementara itu sembilan orang penuntut yang menuntut atas dermasiswa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia melalui Jabatan Hal Ehwal Ugama telah lulus dengan mendapat Sarjana Muda da-

Lihat muka 16

**Pelita Brunei**

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

21HB FEBRUARI, 1979

# KA-ARAH KELANCHARAN PENTADBIRAN

PERTUKARAN bagi beberapa orang pegawai pentadbir kerajaan yang di-lakukan baru2 ini sudah sa-pantas-nya pertukaran ini akan memberikan suatu nafas baru dan daya kerja yang lebeh berkesan ka-atas kelancharan urus-tadbir jabatan2 kerajaan. Pengubah-suaian dalam chara pentadbiran itu sendiri dari sa-masa ka-sa-masa mungkin menjadi asam garam dalam menyaimbangi proses perkembangan negara dan masharakat.

Pun juga ia memang di-lakukan sa-tiap masa yang bukan sahaja akan dapat menchapai hasil di-atas tadi, malah ia-nya akan lebeh menchekap dan menambahkan lagi pengalaman bagi sa-seorang pegawai itu sendiri, kerana memileki sa-suatu keboleh-an yang di-chapai menerusi kelulusan akedemik dari pusat2 pengajian tinggi itu belum tentu akan dapat memberikan ketokohan bekerja dan kebolehan pada melaksanakan sa-suatu tugas itu dengan sempurna jika kebolehan tersebut tidak di-tokok-tambah dengan oleh2 yang di-timba dari pengalaman kerja2 yang pernah di-laksanakan.

Tegas-nya sa-seorang yang berkelulusan akedemik saperti diploma atau ijazah umpama-nya belum tentu akan mampu melaksanakan tanggong-jawab yang baru di-pikul-nya, apa-tah lagi jika tanggong-jawab itu merupakan suatu tugas yang sering berhadapan dengan raayat jelata yang senantiasa memerlukan apa yang di-hajati-nya dari pehak kerajaan. Manakala dari sudut lain sa-orang pegawai yang telah lama menabur khidmat yang tidak mendapat sampiran apa2 kelulusan akedemik diploma atau ijazah, tetapi ia kaya dengan berbagai pengalaman, maka kemahiran-nya yang di-perolehi dari pengalaman itu belum tentu dapat di-atasi oleh kebolehan dari sa-orang siswazah yang hanya bersandarkan kebolehan dari diploma atau ijazah. Pertimbangan mesti mengambil tempat dalam sudut ini.

Kaya dengan pengalaman dan matang dengan ragam urus-tadbir yang pernah di-lakukan ada-lah merupakan guru yang paling baik bagi sa-seorang dalam menyempurnakan apa juga tugas yang di-amanahkan dan di-bebankan, sebab kemahiran yang di-perolehi dari berbagai pengalaman itu akan dapat memuncholkan berbagai bentok pembaharuan ka-atas chara perlaksanaan urus-tadbir kapada yang lebeh baik dan sempurna.

Jadi-nya pertukaran sa-umpama ini bukan-lah suatu perlakuan yang mensifatkan bahawa sa-seorang pegawai yang terlibat sa-bagai mudah di-'buli', kurang chekap dan sa-umpama-nya, malah ia-nya suatu peranchangan mobiliti daya-kerja yang sangat tinggi nilai-nya. Apa-tah lagi dalam saat2 negara dan masharakat kita sedang berusaha menambahkan bilangan pegawai2 yang benar2 berkelulusan dan berpengalaman serta didekasi pada menerima chabaran ka-arah sa-buah negara merdeka, maka usaha ini ada-lah satu hal yang di-perchayai berfaedah.

Sa-tiap pejabat pasti mempunyai peranan dan tugas yang berlainan, manakala sa-tiap peranan itu pula saling berhubongan antara satu sama lain di-tiap2 pejabat itu yang hasil-nya berusaha untok menuju penchapaian kesempurnaan urusan pentadbiran kerajaan. Justeru itu memileki serba-sedikit pengalaman dalam mentadbir dan menjalankan urusan di-pejabat2 kerajaan itu ada-lah merupakan satu keuntongan besar bagi pegawai2 berkenaan dalam menghadapi siku-liku pentadbiran di-masa2 akan datang.

# Hampir 700 telah mendaftar

BANDAR SERI BEGAWAN.—Sa-ramai 669 orang telah di-daftarkan untok menunaikan fardhu haji ka-Mekah tahun ini sejak pendaftaran tersebut di-buka tiga minggu lalu.

Dari jumlah tersebut 577 orang dari Daerah Brunei Muara; 50 dari Belait; 27 dari Tutong dan 15 orang dari Daerah Temburong.

Pendaftaran tersebut akan di-tutop pada 30hb April.

# KURSUS BIMBINGAN PELAJARAN PERDAGANGAN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Satu lagi kursus bimbingan bagi guru2 kelas pelajaran perdagangan di-seluroh negeri akan mula di-adakan pada 18hb Mach ini. Kursus tersebut ada-lah kali kedua ia-nya di-adakan sa-jauh ini dan kali pertama ia-nya di-jalankan pada 12hb Februari tahun lalu.

Dalam kursus pertama itu sa-ramai 45 orang guru2 kelas pelajaran perdagangan di-Daerah Brunei Muara telah mengikuti yang terbahagi kapada tiga kumpolan. Tiap2 kumpolan telah menghadhiri kursus mereka kira2 sa-lama dua bulan sa-tengah.

Menurut Bahagian Pelajaran Dewasa, penganjor kursus tersebut, menyatakan kursus kali kedua itu akan hanya menjalankan dua kumpolan tahun ini yang mengandongi antara 15 hingga 20 orang.

Bagi guru2 yang belum terpileh menyertai kursus tersebut tahun lalu dengan ini di-kehendaki mendapatkan borang permohonan dari penyelia2 masing2 atau terus kapada Bahagian Pelajaran Dewasa, Jabatan Pelajaran dan hendak-lah di-kembalikan tidak lewat pada 25hb Februari ini.

Guru2 kelas pelajaran perdagangan yang enggan menyertai kursus tersebut ada-lah di-anggap sa-bagai menarek diri dari menjadi guru kelas pelajaran perdagangan.

# Mashuarat J-kuasa Sekolah

PEKAN BANGAR.—Mashuarat Jawatankuasa Sekolah Menengah Melayu Sultan Hassan, Bangar Temburong akan di-adakan di-sekolah itu pada hari Jumaat 23hb Februari, 1979 mulai jam 8.30 pagi.

Ibubapa dan penjaga2 penuntut ada-lah di-persilakan hadhir ka-mashuarat tersebut.

Pemangku Pegawai Daerah, Awang Haji Yaakub bin Haji Ahmad di-jadualkan akan merasmikan mashuarat tersebut.



GAMBAR atas menunjokkan Timbalan Pengarah Perjawatan, Awang Haji Md Kassim bin Haji Md Daud menyampaikan sijil kapada Dayang Siti Jauyah binte Haji Ajak, salah sa-orang peserta yang menghadhiri Kursus Perkhidmatan Kapada Awam yang tamat pada hari Khamis lalu.

Kursus sa-lama empat hari itu di-kelolakan oleh Yunit Latehan Jabatan Perjawatan dan telah di-hadhiri oleh 19 orang kaki-tangan dari jabatan2 yang berhubong rapat dengan orang ramai.

# *Lawatan ahli bank pelaboran dunia*

BANDAR SERI BEGAWAN.—Sa-orang ahli Bank Pelaboran Dunia, Lord Shawcross, telah melawat ka-sini baru2 ini, untok mengadakan tinjauan mengenai kemajuan yang di-chapai oleh negeri ini.

Lord Shawcross, ia-lah sa-orang Pengerusi City of London dan juga Penasehat Pergerakan Antarabangsa bagi Badan Amanah Jaminan Morgan di-New York, ia-itu sa-buah Bank Pemborong yang terbesar sekali di-dunia.

Lawatan beliau ka-negeri ini telah di-temani oleh rakan-nya Awang John Cods. Lord Shawcross juga ada-lah bekas Menteri Kabinet dan sering membuat lawatan ka-negara2 di-sebelah Tenggara Asia. Ini merupakan lawatan beliau yang kelima ka-negeri ini.

# Harga barang2 keperluan

SAPERTI biasa di-bawah ini di-chatetkan beberapa jenis barang2 keperluan sa-hari2 yang di-dapati di-jual dengan harga yang lebeh sederhana di-kedai2 Bandar Seri Begawan, Kuala Belait dan Seria. Ada-lah di-ingatkan kapada orang ramai bahawa harga barang2 yang berikut di-bawah ini bermula pada 15hb Februari, 1979.

**BANDAR SERI BEGAWAN**

1. PUSU KERING — $4.00 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut : —
   a) Leong Soon Huat, No. 1, Jalan McArthur.
   b) Ghee Guan, No. 4, Jalan McArthur.
   c) Chop Aik Thye, No. 25, Jalan Sultan.
2. SAYOR PUCHOK (Chap Foo Lung Cheng Kee Co) — $4.50 sa-bungkus boleh di-beli dari kedai berikut : —
   Chuan Joo Department Store, No. 9, Bangunan City.
3. BAWANG BESAR — 80 sen sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut : —
   a) Chop Chin Seng, No. 107, Jalan Chevalier.
   b) Sharikat Haji Abdul Rahman, No. 94, Jalan Chevalier.
   c) Lam Seng, No. 3, Jalan McArthur.

**KUALA BELAIT**

1. PUSU KERING — $4.40 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut : —
   a) Kok Kee, No. 60, Jalan Pretty.
   b) Chin Fatt, No. 60-B, Jalan Pretty.
2. SAYOR PUCHOK (Chap Foo Lung Cheng Kee Co) — $4.70 sa-bungkus boleh di-beli dari kedai berikut : —
   Choo Seng, No. 20, Jalan Pretty.
3. BAWANG BESAR — 80 sen sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut : —
   Yun Seng Supermarket, No. 84, Jalan Bunga Rambai.

**SERIA**

1. PUSU KERING — $4.00 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut : —
   Chin Siong Hin, No. 3, Jalan Sultan Omar Ali.
2. SAYOR PUCHOK (Chap Foo Lung Cheng Kee Co) — $4.70 sa-bungkus boleh di-beli dari kedai2 berikut : —
   a) Chop Koh Seng Hang, No. 17, Jalan Sultan Omar Ali.
   b) Choo Heng & Co, No. 30, Jalan Sultan Omar Ali.
3. BAWANG BESAR — 80 sen sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut : —
   a) Hudson Company, No. 31, Jalan Sultan Omar Ali.
   b) Poh Sing, No. 65, Jalan Bunga Kenanga.
   c) Wong Wah Seng Trading, No. 73, Jalan Bunga Kenanga.



Penuntut2 yang telah berlepas ka-Mesir pada minggu lepas.

# Menuntut di-Azhar

BANDAR SERI BEGAWAN.—Sa-ramai 10 orang penuntut perempuan dan sa-orang penuntut lelaki telah berlepas ka-Mesir untok melanjutkan pelajaran mereka di-Univertisi Al-Azhar pada minggu lalu.

Penuntut2 tersebut telah berjaya menamatkan pelajaran mereka di-Madrasah Al-Juned Al-Islamiah Singapura dan pemergian mereka melanjutkan pelajaran itu ada-lah atas biasiswa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia melalui Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei.

Mereka itu ia-lah Dayang Sa'diah bte Jalil, Dy Siti Mariam bte Daud, Dy Musanah bte Haji Mohd Yussof, Dy Zabidah bte Haji Salam, Dy Jahinor bte Haji Rashid, Dy Norsinah bte Hassan, Dy Mamon bte Mat Jerah, Dy Hajjah Asmah bte Haji Randah, Dy Raihani bte Haji Tengah, Dy Seimah bte Haji A. Salam dan Awang Yussof bin Omar.




# PERANG UHUD PEPERANGAN MEMBALAS DENDAM

## SIRI KE-26

SAYA telah agak jauh membawa tuan2 menganalisa perkara *jihad*, ia-itu berbangkit dari untok menolak pendapat Qadiani yang mengharamkan jihad itu. Saya telah menulis tentang perang Badar, sa-bagai jawapan bahawa jihad itu tidak di-lakukan kechuali untok *mempertahankan akidah dan kehormatan orang2 Islam*. Kemenangan Muslimin di-Badar merupakan suatu mu'jizat dan tanda kebenaran mutlak Ugama Islam. Kerana tidak-lah terchongak oleh akal, orang2 Islam yang sedikit itu dapat menewaskan musoh yang besar. Hanya dengan iman, orang dapat menerima janji Allah dan sanggup bertempur menghadapi musoh yang berlipat-lipat kali ganda kekuatan-nya itu. Jika tidak, maka tidak akan ada sejarah Badar.

Ada orang mengatakan Ugama Islam ugama peperangan. Tidak! Sekali2 tidak! Kita sangkal sa-keras2-nya pendapat itu. Semua itu hanya-lah fitnah musoh jua. Bagaimana-kah hendak mengatakan hasrat perang itu datang-nya dari orang2 Islam yang berjumlah hanya sedikit itu, serta tidak-kah kita perhatikan tempat2 peperangan itu berlaku ada-lah di-tempat orang2 Islam sendiri (di-sekitar Medinah). Jadi erti-nya di-sini, orang2 Islam-lah yang di-serang dan di-tagih berperang, bukan sa-balek-nya.

Mari kita bentangkan pula sedikit tentang *Peperangan Uhud*. Uhud itu ia-lah nama sa-buah gunong, letak-nya di-sa-beleh utara Kota Medinah.

Semenjak berlaku-nya perang Badar, orang2 Quraish sa-benar-nya sudah tidak pernah tenteram lagi. Hati mereka tidak dapat melupakan kekalahan di-Badar. Bagaimana-kah mereka akan dapat melupakan-nya, sedangkan mereka ada-lah pembesar2 dan bangsawan2 yang angkoh, pemimpin2 Mekah yang berpengaroh, di-tambah pula oleh perempuan2 mereka sentiasa mengingat dan meratapi akan korban2 Badar yang terdiri dari anak2, atau saudara, bapa, suami atau kawan2 yang di-kasehi. Semua itu mesti di-tebus dengan darah pula.

Lalu orang2 besar Quraish, saperti *Jubair bin Mot'im, Safwan bin Umaiyah, 'Ikramah bin Abu Jahal, Harith bin Hisham* dan lain2 lagi, bermashuarat kemudian telah menchapai kata sa-pakat akan menghadapi Nabi dan orang2 Islam. Mereka akan menebus semula kehormatan Quraish yang telah punah, dengan chara: Segala keuntongan yang di-dapati dari *kafilah dagang* mereka, mesti-lah di-kumpolkan dan di-pakai untok menyiapkan angkatan perang menentang Nabi Muhammad. Juga segala tenaga puak dan kabilah telah di-kerahkan supaya menyertai kaum Quraish, bersama2 dengan penyaer2 mereka yang berbakat untok menolong membangkitkan semangat perang di-medan pertempuran.

Satu perkara lagi di-rundingkan dengan hangat di-kalangan mereka, ia-lah: Ada-kah orang2 perempuan juga akan di-bawa menyertai peperangan besar ini atau tidak? Ada pendapat:

*"Biar mereka menyertai-nya untok memberangsang kemarahan kamu, dan mereka akan mengingatkan kapada kamu akan korban2 Badar. Kita ia-lah masharakat yang telah bertekad untok mati, yang tidak akan pulang sa-belum sempat melihat mangsa2 kita, atau kita sendiri yang akan jadi mangsa untok itu."*

Di-samping ramai yang berpendapat begitu, ada juga suara lain menchelah:

*"Saudara2 Quraish! Melepaskan perempuan2 kita kapada musoh, bukan-lah suatu pendapat yang baik. Choba-lah bayangkan jika kita mengalami kekalahan, bukan-kah perempuan2 kita itu akan terchemar?"*

Mendengar pendapat kedua ini, tiba2 sa-orang perempuan yang bernama *Hindun binte 'Utbah*, isteri kapada Abu Sufyan, lalu bangun dengan memekik:

*"Kita akan tetap berangkat dan ikut dalam peperangan ini. Jangan ada nanti yang menyuroh kami pulang, saperti perempuan2 kita dahulu dalam perjalanan ka-Badar, mereka di-suroh pulang sa-sudah sampai di-Juhfa. Orang2 yang kita sayangi waktu itu terbunoh, kerana tidak ada perempuan2 yang dapat memberikan semangat kapada mereka."*

Apa-kah yang mesti di-rundingkan lagi, jika orang2 yang punya batang tuboh sendiri sudah demikian berkehendak, maka tidak ada pilehan lain lagi, kechuali membenarkan saja perempuan2 itu ikut sama ka-medan perang. Perempuan2 itu di-letakkan semua-nya di-bawah pimpinan Hindun binte 'Utbah, ia-itu orang yang paling besar dendam-nya ka-atas kaum Muslimin, sebab di-dalam peristiwa Badar — ayah-nya, dan saudara dan orang2 yang di-kasehi-nya telah terbunoh.

Ini-lah angkatan Quraish yang terbesar, terdiri dari tiga brigade. Yang paling besar di-pimpin oleh *Talhah*, dengan jumlah sa-ramai 3,000 orang, chukop dengan peralatan dan senjata serta kelengkapan yang baik: 200 pasokan berkuda dan sa-lebeh-nya mengendarai unta, serta di-antara itu 700 orang ada-lah memakai baju besi. Pasokan ini pun berangkat-lah dengan membawa keyakinan akan menang dan dapat menumpaskan sama sa-kali kaum Muslimin di-Medinah.

Sa-telah beberapa lama di-perjalanan, mereka pun sampai di-'Aqiq, dan berhenti di-kaki gunong Uhud, kira2 lima batu dari Kota Medinah.

Melalui perkhabaran dari Mekah (ada mengatakan melalui surat dari bapa saudara Nabi sendiri, Abbas bin Abdul Muttalib yang masa itu belum Islam lagi), Rasulullah telah mendapat tahu perihal tentera2 Quraish hendak menyerang Medinah. Dan sa-telah di-siasat, memang-lah benar saperti apa yang di-khabarkan itu.

Lalu daripada kalangan Muslimin yang terkemuka, serta juga orang2 yang berpura2 Islam (orang2 munafik) di-minta oleh Nabi supaya berkumpol untok bermashuarat bagaimana hendak menghadapi musoh. Nabi sendiri chenderong berpendapat *akan bertahan sahaja di-dalam Kota*, dan pendapat ini di-sokong oleh Abdullah bin Ubai bin Salul serta sa-bahagian sahabat2 Baginda Rasulullah. Akan tetapi ada pemuda2 yang bersemangat lebeh suka keluar berhadapan dengan musoh, di-mana musoh2 itu berada. Berkata orang dari kalangan ini:

*"Saya tidak ingin melihat Quraish kembali ka-tengah2 golongan-nya dengan berkata: Kami telah mengepong Muhammad di-kubu2 Yathrib (Medinah). Hal ini akan membuat Quraish lebeh berani, membawa mereka dengan angkoh mengendarai kuda dan unta masok ka-halaman kita. Mereka akan mengurong kita di-dalam rumah kita sendiri, di-dalam benteng kita sendiri? Kemudian mereka pulang dengan membawa kekayaan tanpa sa-barang luka. Demikian-lah, kalau kita turuti, mereka akan lebeh berani. Mereka akan menyerang dan menaklok daerah2 kita. Kota kita akan berada di-bawah kekuasaan mereka, dan mungkin jalan kita pun akan mereka potong juga."*

Suara itu bersambut dengan meriah dan ramai sa-kali. Kata2 yang mengandong semangat berlumpatan di-bibir masing2. Mereka tidak takut2 berchakap tentang mati, dan juga rakus mengenai shorga. Lihat apa kata Khaitamah Abu Sa'ad ini: *"Dalam perang Badar saya telah melepas. Saya bersama anak saya turut dalam pertempuran itu. Tetapi kira-nya dia yang beruntong, ia gugor — mati shahid. Malam tadi saya bermimpi berjumpa dengan anak saya itu, dan ia berkata kapada saya: Susol-lah kami, kita bertemu di-shorga. Wahai Rasulullah, sunggoh rindu saya akan menemui-nya di-dalam shorga. Saya sudah tua, tulang telah rapoh. Saya ingin bertemu Allah."*

Sa-telah jelas suara terbanyak ada di-pehak yang mahu menghadapi musoh di-luar kota, maka bagi Rasulullah tidak ada jalan lain melainkan mengikuti pendapat tersebut. Ini-lah chara-nya Baginda Rasulullah menjalani kehidupan-nya — dengan *mushawarah*. Kechuali-lah sa-suatu itu sudah di-wahyukan Allah kapada-nya.

Hari itu ia-lah hari Jumaat. Nabi memimpin sembahyang jemaah. Baginda memberi tahu orang ramai, bahawa jika mereka tabah dan sabar, mereka akan beroleh kejayaan. Lalu di-minta-nya mereka bersiap-siap untok menghadapi perang.

Sa-sudah habis sembahyang 'Asar, Nabi masok ka-dalam rumah-nya. Baginda di-ikuti oleh Syedina Abu Bakar dan Syedina Umar. Kedua-dua sahabat yang setia ini menolong Baginda memakaikan serban dan *baju besi*. Sementara itu orang2 di-luar, rioh berbinchang, berbahas. Berkata Sa'ad bin Mu'az:

*"Tuan2 telah mengetahui, Rasulullah berpendapat mahu bertahan di-dalam kota, tetapi tuan2 berpendapat lain, sa-balek-nya. Tuan2 sa-olah2 memaksa-nya untok bertempur di-luar, sedangkan dia sendiri enggan berbuat demikian. Serahkan-lah sahaja perkara ini kapada Baginda. Apa yang di-perentahkan-nya, kita jalankan."*

Mendengar kata2 Sa'ad itu, banyak fikiran jadi berubah. Orang2 yang menghendaki supaya menyerang keluar, kini menjadi lebeh lembut. Mereka mula merasa-rasakan, tidak-kah ini bererti menentang perentah Rasulullah, dan apa-kah sa-tiap kemahuan Rasul itu tidak mungkin datang-nya dari Allah?

Demikian-lah fikiran sekarang berkechamok.

Sementara itu Rasulullah pun keluar sa-mula menghadapi orang ramai. Baginda telah siap dengan pakaian perang-nya. Melihat itu, orang2 yang tadi-nya menghendaki supaya mengadakan perlawanan di-luar, berkata:

*"Wahai Rasulullah! Bukan-lah maksud kami hendak menentang tuan. Lakukan-lah apa jua yang tuan kehendaki. Soal-nya ia-lah terpulang pada Allah, dan kemudian pada tuan."*

Rasulullah memahami maksud kata2 itu, lalu Baginda bersabda, erti-nya: *"...Tidak-lah layak bagi sa-orang Nabi apabila telah mengenakan pakaian besi-nya akan menanggalkan-nya sa-mula, sa-belum Allah memberikan putusan-Nya antara Nabi itu dengan musoh-nya."*

(Bersambong)

# Sebaran 'Am Alat Dakwah

oleh: Awang Hj Yahya Hj Ibrahim

(Sambongan)

KITA boleh mengambil satu chontoh yang dekat dan terpenting ia-itu TV. Maka pengujudan TV itu terpaksa di-perinchi dari sudut tiga soalan yang di-kemukakan tadi. Oleh kerana TV itu tiada akan dapat bergerak dan ber-chakap sendiri maka mustahak-lah pengendali2 TV itu sendiri yang menjawab soalan2 ini. Tetapi di-sini timbul-lah satu masaalah baru yang merbahaya. Kita tanya bagaimana-kah pengendali2 itu akan dapat menjawab samada dengan tepat atau tidak jikalau:—

i. pengendali2 itu tiada tahu atau tiada di-beri arahan untok mengetahui?

ii. mempunyai konsep hidup yang berlainan dan berlawanan dengan tujuan pehak yang mengujudkan TV itu?

*iii.* tiada mempunyai si-kap yang boleh di-harap-kan?

Barangkali ada orang yang tidak sedar bahawa penyelewengan terhadap satu dasar — dan dalam hal ini ia-lah kedudokan ugama dan kehidupan umat Islam — bererti men-jejaskan meruah dan ke-muliaan serta harga diri umat Islam sendiri, walau-pun sa-chara halus perla-han2. Sa-bagai mithalan dari sejarah dunia moden ia-lah hapus-nya Tulisan Jawi dan Mashaf bertulisan Arab di-Turki. Pada masa Ataturk menjalankan kehendak-nya menghapus-kan tulisan Arab dan mengadakan tulisan rumi dan meminda tulisan Ko-r'an dengan tulisan rumi ia-lah dendam-nya yang tak berkesudahan kapada keluarga Osmaniah yang telah bermaharajalela me-merintah Turki. Dia meng-haramkan tarbush kerana pada pandangan-nya Tar-bush itu lambang kekeja-man. Tetapi sekarang sa-telah 30 tahun Turki telah menjadi sa-buah negara Eropah yang berpendudok-kan Islam—Islam di-dalam nama sahaja.

Sedangkan lahiriah tiada ada tanda2 Islam. Menu-rut sa-orang sahabat saya bahawa di-Istanbul itu orang2 perempuan bebas minum arak di-mana saja tanpa apa2 segan dan silu. Erti-nya lelaki-nya terlebeh lagi daripada itu!

Chontoh ini bukan ber-kenaan dengan sebaran 'am — tetapi yang sama dalam chontoh ini ia-lah akibat mengujudkan sa-suatu tanpa memikirkan kesan kapada orang ramai.

Masaalah sebaran 'am yang di-kendalikan oleh para peniaga ada-lah lebeh dahshat daripada itu. Ke-rana para peniaga ini lebeh mementingkan keuntongan, dan untok mendapatkan keuntongan itu mereka menchari "apa yang boleh melariskan". Dalam masa bertahun2 ini bahan2 lu-chah menjadi2 di-mana2 saja, di-TV, di-Radio (sa-perti keset2 yang berisikan lagu2 hawa nafsu) majalah dan akhbar dan tidak juga ketinggalan wayang dan iklan. Pendek kata apa saja yang boleh menarek walau pun tidak kena me-ngena dengan tajok telah di-adakan. Kereta baru di-iklankan dengan perem-puan sa-paroh bogel, um-pama-nya. Apa-kah hubo-ngan kereta dengan perem-puan itu?

Sa-chara keselurohan ki-ta menghadapi berbagai-bagai rintangan di-dalam negeri ini untok menuju kapada chita2 keIslaman.

### KA-ARAH PENYELESAIAN

Apabila kita kembali ka-pada persoalan sebaran 'am sa-bagai alat dakwah, alat untok menyebarkan ugama, maka dengan sen-diri-nya kita terpaksa "me-nyalongkan" segala yang ada pada masa ini untok di-sesuai dengan keperlu-an2 itu. Supaya jangan ada saperti kata shaer Arab :

"Bila-kah rumah akan sempurna jika aku mem-bangun kau meruntoh."

Penyusunan sa-mula ini me-merlukan:—

a) Sa-tiap pengendali, pe-ngelola, orang2 yang bertang-gong-jawab patut mempunyai kesedaran, atau di-beri ke-sedaran dan mempunyai tang-gong-jawab bahawa sebaran 'am itu ada-lah salah satu ajensi perubahan sosial yang berlandaskan Islam. Maka se-gala apa2 jua yang akan di-lakukan dalam rangka penye-baran, chara2 penyebaran, ma-sa dan sa-umpama-nya hendak-lah di-dasarkan kapada tujuan ini.

b. Segala isi, bentok, dan pengolahan alat sebaran 'am itu mesti-lah menuju kapada keperluan2 yang bersesuaian dengan dasar2 Islam. Dalam hal ini mustahak di-adakan suatu bentok tata-tertib (code) sebaran 'am di-negeri ini sa-bagaimana "code" sebaran 'am di-tempat2 lain yang mana ber-tujuan untok menghad, me-nyusun dan mengawal batas2 yang tertentu. "Code" ini tentu-lah pula mesti menyelu-roh samada bagi sebaran 'am di-dalam negeri atau yang di-datangkan dari luar negeri.

c. Penyusunan sa-mula itu patut-lah pula dengan suatu chara yang boleh mempenga-rohi orang ramai dalam keada-an kita sekarang — Tetapi bu-kan-lah dengan tujuan2 pro-paganda kosong yang memak-sa. Kerana Ugama Islam tidak-lah pernah memaksa sa-siapa pun untok perchaya kapada Islam saperti yang di-sebutkan dalam Surah Yunus ayat 99 yang maksud-nya: *"Ada-kah engkau akan memaksa manusia sa-hingga mereka mau ber-iman?"*

(BERSAMBONG)

## Seminar Dakwah Islamiah Pegawai2 Rendah Kerajaan

## Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 21hb Februari, 1979 hingga ka-hari Selasa 27hb Februari, 1979 ada-lah saperti di-bawah ini : —

| *Hari Bulan* | *Dzuhor* | *Asar* | *Magrib* | *Isha* | *Imsak* | *Suboh* | *Matahari Terbit* |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 21hb Feb. | 12.39 | 3.59 | 6.38 | 7.49 | 5.04 | 5.18 | 6.33 |
| 22hb Feb. | 12.39 | 3.59 | 6.38 | 7.49 | 5.04 | 5.18 | 6.33 |
| 23hb Feb. | 12.39 | 3.59 | 6.38 | 7.49 | 5.04 | 5.18 | 6.33 |
| 24hb Feb. | 12.39 | 3.59 | 6.38 | 7.49 | 5.04 | 5.18 | 6.33 |
| 25hb Feb. | 12.39 | 3.59 | 6.38 | 7.49 | 5.04 | 5.18 | 6.33 |
| 26hb Feb. | 12.38 | 3.58 | 6.38 | 7.48 | 5.03 | 5.17 | 6.32 |
| 27hb Feb. | 12.38 | 3.58 | 6.38 | 7.48 | 5.03 | 5.17 | 6.32 |

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluroh Negeri Brunei di-mulai pada pukol 12.45 tengah hari.

## Bingkisan minggu ini

# BERSEDIA MENGHADAPI AKHIR ZAMAN

SAIDINA Ali bin Abi Ta-lib (r.a.) pernah berkata yang erti-nya: "Akan da-tang di-suatu masa (di-akhir zaman) di-mana tidak tinggal Islam melainkan pada nama-nya saja, dan tidak tinggal al-kor'an me-lainkan tulisan-nya saja. Masjid2 pada masa itu sangat indah dan besar tetapi kosong daripada pe-tunjok Allah. Manakala ulama2 Islam pada masa itu ada-lah ulama yang jahat, dari mereka akan terbit berbagai2 fitnah dan kapada mereka juga fitnah itu akan kembali".

Meskipun yang di-kata-kan akhir zaman itu tidak dapat di-pastikan bila waktu-nya, tetapi dari tanda2 yang di-bentangkan oleh Saidina Ali itu tadi maka dapat-lah kita men-jadikan-nya sa-bagai titek-tolak untok membanding-kan-nya dengan kenyataan yang ada.

Jika kita perhatikan ke-adaan yang ada sekarang, sa-chara kasar-nya, boleh-lah kita mengatakan ba-hawa tanda2 yang di-sebutkan itu belum-lah be-gitu jelas di-pandangan kita. Allah sahaja-lah yang mengetahui segala-gala yang berlaku.

Tetapi apa yang di-uchapkan oleh Saidina Ali itu dapat-lah ia di-ambil perhatian bagi mengim-bangi keadaan hidup yang sedang kita jalani sekarang ini. Ini bukan pula ber-makna kita menyangkal akan kedatangan tanda2 akhir zaman itu, atau pun kita membiarkan saja ke-adaan itu berlaku kerana sudah memang tidak da-pat di-elakkan lagi. Lantas hilang-lah semangat ber-jihad untok menentang yang mungkar dan menye-ru yang ma'aruf, kerana jihad tidak mengenal ba-tas dan sempadan, waktu dan ruang.

Dalam menamai anak2, memang-lah menjadi hara-pan ibu-bapa untok memi-leh dan menamakan anak2-nya dengan nama2 yang manis di-sebut dan sedap di-dengar. Dan sa-patut-nya-lah di-pileh nama2 yang berunsorkan keIslam-an sa-jajar dengan diri-nya yang datang dari ke-luarga Islam yang akan mewarisi keIslaman itu, sa-padan dengan ke-elokan nama itu pula, maka sa-elok itu-lah juga peribadi dan tingkah laku yang di-harapkan oleh kedua orang tua-nya.

Bagi menjiwai nama yang manis itu dengan ji-wa Islam maka peranan-nya tertanggong ka-atas kedua orang tua itu sen-diri. Agar dengan itu ti-dak-lah nama tinggal na-ma saja saperti yang di-sebut oleh Saidina Ali di-atas tadi.

Sa-telah ia menyedari bahawa diri-nya ada-lah sa-orang muslim pada na-ma dan peribadi, maka pandai-lah ia menunaikan tanggong-jawab-nya untok memelihara sa-tiap yang di-sarankan oleh ugama-nya. Antara-nya dia tidak akan luput, sa-kurang2-nya sa-minggu sa-kali, un-tok menghadhirkan diri-nya bersama2 ka-masjid bagi menunaikan ibadah fardhu Jumaat, begitu-lah antara chara-nya ia me-muliakan masjid.

Sa-bagai sa-buah rumah iba-dat yang suchi, fungsi-nya da-lam mengembangkan shi'ar Is-lam ada-lah amat luas. Menye-dari dari hakikat ini-lah sa-orang yang bernama muslim itu akan menghidupkan shi'ar tersebut dengan menjadikan masjid sa-bagai pusat-nya. Ma-ka, akan terselamat-lah masjid dari sa-kadar di-banggakan ke-indahan-nya saja.

Kemudian apabila ia mema-hami lagi betapa ugama meng-anjor-nya supaya menuntut ilmu, maka ia akan bersegera menchari ilmu itu. Kerana de-ngan mengetahui ilmu itu ia akan sa-makin hampir dengan Tuhan-nya, Penchipta dan Pe-nganugerah segala ilmu.

Kemudian sa-telah ia menge-tahui bahawa ilmu itu ada-lah kornia Ilahi, maka tidak-lah ia menyombong diri-nya, ia tidak akan memperbodoh-bodohkan atau mengechilkan kebolehan orang lain, bahkan jauh sekali daripada mempergunakan ilmu-nya untok kepentingan diri sen-diri sa-mata2, atau untok tujuan mengkhianati orang lain. Ma-ka terkechuali-lah ia dari di-katakan sa-bagai sa-orang ber-ilmu tetapi jahat, saperti yang di-tegaskan oleh Saidina Ali tadi bahawa jika orang yang berilmu itu menggunakan ilmu-nya di-luar dari kehendak Allah, maka akibat-nya akan terbit-lah kehanchoran dan keporak-perandaan.

Oleh itu ada-lah perlu bagi kita merenong sa-jenak akan kedudokan kita sekarang ini. Apa-kah tanda2 akhir zaman itu sudah terdapat bibit2-nya? Jika kita ternampak dan me-ngetahui tanda2-nya, maka ha-rus-lah kita memperlengkapkan diri untok menyediakan be-kalan yang perlu untok meng-hadapi zaman baru itu di-sam-ping bertindak memusnahkan segala rupa tunas2 kehanchoran supaya jangan sampai ia ber-putek dan mengeluarkan buah yang berachun.

# Memelok Ugama Islam

BANDAR SERI BEGA-WAN.—Tiga majlis peng-Islaman telah berlangsong pada tempat2 yang ber-asingan, dua daripada-nya telah berlangsong di-Jaba-tan Hal Ehwal Ugama di-sini pada awal Februari ini.

Sa-orang gadis Dusun, Mary binte Lumoh, 17 tahun, kini di-kenali sa-ba-gai Dayang Marianie binte Abdullah. Manakala Jau Asang, 24 tahun, sa-orang pemuda Kenyah berasal dari Baram, Sarawak telah juga melangsongkan peng-Islaman-nya dengan memi-leh nama Islam-nya sa-ba-gai Johari bin Abdullah.

Sementara itu bertempat di-rumah Haji Mohammad Salleh bin Ibrahim, No. 121 Kampong Kianggeh, telah berlangsong majlis pengIslaman ka-atas Sarai binte Awang, 22 tahun. Sarai yang berketurunan Dusun itu kini di-kenali sa-bagai Siti Sara binte Abdul-lah.

PengIslaman mereka itu telah di-sempurnakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Indera Laila (Begawan Mudim) Dato Seri Utama Awang Haji Ismail bin Matserudin, sa-orang pegawai di-Jabatan Hal Ehwal Ugama.



DAYANG Siti Sara bte Abdullah ketika di-akad Islamkan oleh YDM Pehin OKIL (Bega-wa'a Mudim) Dato Seri Utama Awang Haji Ismail bin Matserudin. (Gambar JHEU).



Dayang Marianie



KELIHATAN dalam gambar atas (gambar dari The Straits Times) Datin Musnah ketika beruchap di-perlancharan kedua2 kapal tersebut yang di-beri nama 'TENANG' dan ABADI'.

## BOT PERONDA

DUA buah lagi bot peronda laju kepunyaan Pasokan Laut Pulis Diraja Brunei telah di-rasmikan perlancharan-nya oleh Datin Musnah bte Haji Mohd Yusof, isteri YAB Menteri Besar di-Singapura baru2 ini.

Perlancharan kedua-dua bot tersebut telah di-lakukan di-Limbongan Kapal Vosper, Tanjong Rhu pada hari Jumaat, 2hb Februari lepas.

Kapal2 itu juga berkeupayaan bergerak di-kawasan ayer tuhor dan mempunyai kelajuan lebeh 28 knot dengan ukoran panjang kira2 60 kaki serta boleh memuat sa-ramai lima penumpang.



KELIHATAN gambar di-atas pasokan pancharagam AMDB dari perkhemahan Bangar tidak ketinggalan menyertai perarakan Maulud Nabi Muhammad s.a.w. bagi Daerah Temburong pada Ahad, 18hb Februari lepas. Perarakan tersebut telah bermula dari padang SMM Sultan Hassan Bangar. Lebeh dari 2,000 peserta yang terdiri dari penuntut2, belia2, kampong2 dan jabatan2 Kerajaan menyertai perarakan itu.



SAPERTI juga pada perarakan2 maulud yang sudah2 di-negara kita, penyertaan pasokan pancharagam dari Pasokan Pulis Diraja Brunei atau Askar Melayu Diraja Brunei sering saja menyertai-nya dengan berbagai iringan nyanyian yang merdu dan bersemangat di-alunkan sa-panjang jalan perarakan di-lalui. Dalam gambar ini pasokan Pancharagam Pulis Diraja Brunei tidak ketinggalan mengalunkan permainan mereka yang tentu-nya, hentak kaki peserta perarakan bertambah gagah dan kukoh dalam melaungkan salawat kapada junjongan kita Nabi Muhammad s.a.w. dalam perarakan itu.




# Latehan seberang laut

LT. MOHD. Samid bin Haji Abdul Aziz dari Battalion Pertama AMDB akan mengetuai pasokan penembak yang telah berjaya di-peraduan menembak yunit2 terbesar antara yunit AMDB baru2 ini kaperaduan menembak antara yunit2 tentera British yang berpengkalan di-Hong Kong dalam bulan Mach ini.

Rombongan penembak tersebut yang mempunyai 25 anggota akan bertolak ka-Hong Kong hari ini bagi menjalani latehan awal sa-belum peraduan berkenaan di-jalankan salama empat hari mulai 6hb Mach hingga 9hb Mach depan.

Sementara itu satu majlis do'a selamat bagi rombongan penembak itu telah juga di-adakan di-dewan makan Battalion Pertama, Perkhemahan Berakas pada tengah hari Isnin lepas.

Turut meninggalkan negeri ini menuju Hong Kong ia-lah tiga orang anggota AMDB untok menjalani kursus permulaan judo di-Pusat Latehan Jasmani Hong Kong mulai 20hb Februari (semalam) dan akan berakhir pada 2hb Mach depan.

Mereka ia-lah Sgt. Jaidin bin Berudin dari Markas Pasokan AMDB, L/Kopral Pengiran Ibrahim bin Pg Haji Ismail dan perajurit Yusof bin Ismail dari Battalion Pertama. Ketiga-tiga mereka telah bertolak pada 18hb Februari lepas.

Manakala Kaptan Ismail bin Osman dari Markas Pasokan akan mengikuti Kursus Teknoloji Makanan sa-lama kira2 lima bulan mulai 26hb Februari hingga 20hb Julai ini. Kaptan Ismail akan mengikuti kursus tersebut di-Sekolah Perbekalan Deepcut, Camberley, United Kingdom.

Dan L/Kopral Mahadi bin Ribut dari Battalion Kedua ketika ini sedang menjalani kursus pelateh tinju di-Sekolah Latehan Jasmani, SAFTI, Perkhemahan Pasir Laba, Jurong, Singapura. Dia akan menamatkan kursus tersebut pada 24hb Februari ini.



PASOKAN dari Pusat Latehan AMDB kelihatan bergambar ramai dengan piala kemenangan mereka yang telah di-perolehi dalam peraduan menembak antara yunit yang telah di-adakan baru2 ini. Pasokan ini telah berjaya menggondol kejohanan dalam achara menembak antara yunit2 kechil di-peraduan menembak tahunan itu yang di-adakan di-padang tembak Perkhemahan Berakas. Sa-banyak lapan yunit termasok pasokan dari Gurkha Rifle ke-10 yang berpengkalan di-Seria mengambil bahagian. Johan menembak antara yunit2 terbesar di-menangi oleh Battalion Pertama.

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## DI-JABATAN PASOKAN BOMBA

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan2 kosong di-Jabatan Pasokan Bomba, Brunei.

1. PENOLONG PEGAWAI BALAI :

**Kelayakan2 :**

a) Umor — di-antara 18 hingga 26 tahun.
b) Tinggi — sekurang2-nya 5′ 4″.
c) Dada — sekurang2-nya 34″ bila di-kempiskan.
d) Lulus Tingkatan III atau sebanding dengan-nya dalam Bahasa Inggeris dan Darjah IV Melayu.

**Kesihatan :**

Pemohon2 mesti-lah berbadan tegap dan sehat dan di-kehendaki lulus ujian kekuatan saperti yang di-kehendaki dalam Pasokan Bomba.

**Latehan :**

Chalon2 yang berjaya mesti-lah melayakan diri untok Kursus Latehan Pegawai2 yang akan di-adakan di-dalam negeri dan mungkin di-kehendaki menjalankan tugas di-seberang laut.

**Tugas2 :**

Chalon2 yang berjaya apabila di-lantek akan di-kehendaki menjalankan tugas di-mana2 Balai Bomba di-dalam Negeri.

Dalam sukatan gaji P.3 — $525-531-538-550-563-613-625/ EB / 638-650-662-675-687-700. Alaon 'P' sa-banyak $100.00 sa-bulan. Sekira-nya sa-seorang chalon yang berjaya itu ia-lah pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan, gaji permulaan akan di-pertimbangkan oleh Surohanjaya Perkhidmatan Awam.

2. TUKANG KAYU :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Pemohon2 mesti-lah berumor tidak kurang dari 25 tahun dan telah tamat darjah VI Melayu atau yang sebanding dengan-nya.
b) Pemohon2 mesti-lah mempunyai pengalaman praktikal sekurang2-nya enam tahun sa-bagai tukang kayu penoh masa atau memiliki Sijil City and Guilds Perengkat Tertinggi dalam Pertukangan Kayu.
c) Pemohon2 mesti-lah chekap dalam menggunakan perkakas2 letrik dan alat2 perkakas petukangan kayu.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji E. 2-3 EB. 4 — $408-421-434-446-459-472-485-497-510-523 /EB/ 536-548-561-574-587-599.

**Menjalankan Tugas :**

Chalon2 yang berjaya apabila di-daftarkan mungkin di-kehendaki menjalankan tugas2 di-mana2 Balai Bomba di-negeri ini.

3. TUKANG KEBUN/ PENCHUCHI :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Pemohon2 mesti-lah berumor di-antara 18 dan 45 tahun dan mesti-lah bekerja atau pernah bekerja sa-bagai Tukang Kebun/Penchuchi.

Oleh kerana jawatan kosong yang tersebut di-atas untok di-tugaskan tiap2 satu di-Balai Bomba Muara, Tutong, Seria dan Temburong, maka keutamaan akan di-beri kapada pemohon2 yang tinggal di-daerah2 yang berkenaan.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji F. 1-2-3 EB. 4 — $306-312-319-325-332-338-344-351-357-363-370 - 376 - 383/EB/389-395-402-408.

**Menjalankan Tugas :**

Chalon2 yang berjaya apabila di-daftarkan mungkin di-kehendaki menjalankan tugas2 di-mana2 Balai Bomba di-negeri ini.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 26hb Mach, 1979.

(E/134/73 — Bil: 13/1979)

## Di-Jabatan Muzium

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Jabatan Muzium, Brunei.

1. ATTENDAN DEWAN :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Pemohon2 mesti-lah berumor di-antara 18 hingga 30 tahun dan mesti-lah lulus sekurang2-nya Tingkatan II atau vang sebanding dengan-nya. Bagi chalon2 dari aliran Melayu keutamaan akan di-beri jika pandai bertutor atau menulis dalam bahasa Inggeris.
EB. 6 — $306-312-319-325-332-

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji F1-2-3-4-5 338-344-351-357-363-370 - 376-383-389-395-402-408-414 - 427-440 /EB/453-465-478-491-504-516.

2. ATTENDAN PERPUSTAKAAN :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Pemohon2 mesti-lah berumor di-antara 18 dan 25 tahun dan lulus Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengan-nya.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji E. 1-2-3 EB. 4 — $357-370-383-395-408-421-434-446-459-472-485 - 497 - 510-523 /EB/ 536-548-651-574-587-559.

3. TUKANG KAYU TINGKAT I :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Pemohon2 hendak-lah berumor di-antara 18 hingga 30 tahun dan telah memperolehi Sijil Pertukangan Kayu dari mana2 sekolah Teknikal yang di-akui.
b) Chalon2 yang telah bekerja di-dalam kerja2 tukang kayu di-Pejabat Muzium Bahagian Pusat Latehan Kesenian dan Pertukangan Tangan, Brunei akan di-beri keutamaan.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji E. 3 EB. 4 — $459-472-485-497-510-523 /EB/ 536-548-561-574-587-599.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 2hb April, 1979.

(E/941/72 — Bil: 17/1979)

## KURSUS2 DI-PUSAT LATEHAN KESENIAN DAN PERTUKANGAN TANGAN, BRUNEI

PEMOHON2 ada-lah di-pelawa untok mengikuti Kursus2 yang tersebut di-bawah di-Pusat Latehan Kesenian dan Pertukangan Tangan, Brunei dan mereka yang mempunyai kelayakan dan sharat2 di-bawah ini akan di-pertimbangkan:

(1) Kursus Tenunan — (Perempuan)
(2) Kursus Pertukangan Perak — (Lelaki)
(3) Kursus Pertukangan Tembaga — (Lelaki)
(4) Kursus Anyaman/Songkok — (Perempuan)

**Kelayakan2 :**

(i) Hendak-lah lulus sekurang2-nya Darjah VII Melayu atau yang sebanding dengan-nya.
(ii) Keutama'an akan di-beri kapada mereka yang lulus dalam mata2-pelajaran Ilmu Hisab dan Lukisan.

**Sharat2 :**

(a) Hendak-lah terdiri dari raayat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan.
(b) Hendak-lah berumor di-antara 17 hingga 25 tahun.
(c) Pemohon2 yang di-pertimbangkan akan di-pileh menerusi satu temu duga.
(d) Pemohon2 yang berjaya hendak-lah terlebeh dahulu lulus pepereksaan doktor.
(e) Satu perjanjian akan di-kenakan kapada sa-tiap pemohon2 yang berjaya dalam masa mengikuti kursus ini dengan sharat :
"Mereka atau penjamin mereka di-kehendaki membayar balek dengan sa-penoh-nya semua perbelanjaan, jika mereka berhenti semasa dalam latehan".
(f) Pemohon2 akan di-kehendaki mengikuti latehan sa-hingga mendapat kemahiran dalam tempoh waktu lebeh kurang dua (2) tahun.
(g) Apabila mendapat kemahiran pelateh2 akan di-kehendaki menjadikan pertukangan ini sebagai salah satu mata pencharian mereka.

**Alaon dan Lain2 Kemudahan :**

(a) Semasa dalam latehan pemohon2 yang berjaya akan di-beri alaon sebanyak $240.00 sa-bulan serta 10% net profit daripada harga hasil2 mereka yang di-beli oleh Pusat Latehan Kesenian dan Pertukangan Tangan, Brunei.
(b) Tempat tinggal, kenderaan dan lain2 lagi tidak di-sediakan kapada pemohon2 yang berjaya.

**Borang Permohonan**

Permohonan2 hendak-lah di-buat dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati dari Pejabat Muzium, Kota Batu Brunei pada bila2 masa Pejabat di-buka dan hendak-lah di-kembalikan dan sampai kapada Pengarah Muzium2, Brunei selewat2-nya pada 31hb Mach, 1979.

## SA-BAGAI POMEN FITAR ELEKTRONIK LAUT

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan untok memenohi jawatan kosong sa-bagai Pomen Fitar Elektronik Laut di-Askar Melayu Diraja Brunei, Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Pemohon2 mesti-lah berumor di-antara 22 hingga 45 tahun.
b) Mesti-lah mempunyai Diploma atau kelulusan daripada Sekolah Pertukangan Industrial Training Institute dalam jurusan Elektronik Laut atau yang sebanding dengan-nya.
c) Mempunyai pengalaman dalam bidang Fitar Elektronik sekurang2-nya selama 5 tahun.
d) Lulus sekurang2-nya Darjah V Sekolah Melayu dan Tingkatan III Inggeris atau yang sebanding dengan-nya.
e) Boleh memahami pelan2 lukisan kejuruteraan. Chalon2 akan di-uji bagi menentukan tentang kechekapan masing2.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji D. 5 EB. 6 — B$1046-1071-1097-1122 / EB / 1148 - 1173 - 1199 - 1224.

**Sharat2 Lantekan :**

Chalon2 yang bukan raayat Brunei akan di-tawarkan kontrek tiga tahun dengan kadar baksis 25% daripada gaji sa-telah genap menamatkan tempoh kontrek.

Mereka yang terdiri dari raayat Brunei akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-telah menjalani satu tempoh perchubaan.

Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 5hb April, 1979.

(E/1718/77 — Bil: 19/1979)

## Sa-bagai Pemandu Tingkatan II

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.YM.M. Sultan untok memenohi jawatan kosong sa-bagai Pemandu Tingkat II di-Jabatan Ukor, Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Pemohon2 mesti-lah berumor antara 20 hingga 40 tahun dan boleh membacha dan menulis.
b) Pemohon mesti--lah berpengalaman dan mempunyai lesen memandu dengan tidak pernah di-dakwa kerana kesalahan memandu serta boleh memperbaiki kerosakan2 kechil.
c) Pemohon2 mesti-lah mengetahui tempat2 pendalaman bagi menghantar Pasokan Ukor dan sanggup bermalam dan berkhemah dalam hutan di-tiap2 daerah dalam negeri ini.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji F.3-4 EB. 5 — $357-363-370-376-383-389-395-402-408 /EB/414-427-440.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 2hb April, 1979.

(E/420/74 — Bil: 16/1979)

## TENDER NOTICE

TENDERS are invited for the following building at the Sinaut Agricultural Training Centre Mile 21 Jalan Tutong.

2. Provision and erection of metal frame (ARCON Type) structure measuring 80′ x 30′ with asbestos roof, dward single brick wall 3′ high also the fixing of wall studding, windows and ceiling rafters and enter facing of walls above 3′ with lap boarding or similar and provision of doors. Full details may be obtained from the Principal Sinaut Agricultural Training Centre Mile 23 Jalan Tutong (Tel TUTONG 327) who will indicate the site.

3. Tenders indicating time to completion should be submitted under sealed cover marked "DEPT. of Agriculture S.A.T.C. Recreation Area — Confidential" to the Secretary Brunei State Tenders Board Office of the State Financial Officer Bandar Seri Begawan not later than noon on Thursday 1st March 1979.

4. The Government does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## CONSTRUCTION OF OPERATIONS BUILDING INTERNATIONAL AIRPORT

TENDERS wil be received by the Chairman of Brunei Tenders Board from Registered Contractors Class "A" only up to 12 noon Tuesday 20th March 1979 for the:—

CONSTRUCTION OF OPERATIONS BUILDING INTERNATIONAL AIRPORT, BANDAR SERI BEGAWAN.

Tender documents will be available from Monday 26th February 1979 at the office of Messrs. Murray Ward & Partners, A4 Dayang Besar Flats, Jalan Sumbiling, Bandar Seri Begawan during normal office hours on payment of a deposit of $750.00 which will be refunded to all unsuccessful tenderers upon the receipt of a bona fide tender and the return of documents and drawings.

Tenders must be submitted on the Tender Form provided and be enclosed in a plain sealed envelope marked "Tender for Construction of Operations Building at Brunei International Airport, Bandar Seri Begawan" and must reach the office of the Chairman, Brunei Tenders Board not later than noon on Tuesday 20th March 1979. Tenders received after the stipulated time will be rejected.

The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

MURRAY WARD & PARTNERS
ARCHITECTS AND TOWN PLANNING CONSULTANTS
P. O. Box 1656
BANDAR SERI BEGAWAN
BRUNEI

## TENDER NOTICE STATE STORES

**No. 3/79**

TENDERS are invited for the supply of 2 units Long Wheel Base Dropside Lorries Diesel powered of 27000 GVW.

Full specifications available from the office of the Controller of Government Stores, State Stores & Supplies Department, Jalan Gadong during working hours. Tender closes on Tuesday 13th March, 1979.

## THE CANALISATION AND REDEVELOPMENT OF SUNGAI KIANGGEH

TENDERS will be received by the Chairman of Brunei Tenders Board at the Office of the State Financial Officer, Ground Floor, State Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei from P.W.D. Registered Class "A" Contractors, (experienced in reclaiming and canalisation work) up to 12.00 noon on Tuesday, 27th March, 1979 for : —

"THE CANALISATION AND REDEVELOPMENT OF SUNGAI KIANGGEH"

All tenderers will be required to show proof that they are currently registered as Class "A" Contractors with P.W.D. Brunei.

Tender documents can be examined at and obtained from the office of M/s. Bolton Hennessey Cogan & Associates, 146B Jalan Chevalier, Bandar Seri Begawan, Brunei as from Wednesday the 21st February, 1979 during normal office hours.

The tender deposit required is B$1,000.00 (Dollars One Thousand only). This deposit is refundable to each tenderer upon the receipt of a bona-fide tender and the return of all documents in good condition. Tenders shall be submitted on the Form of Tender and enclosed in pre-addressed envelopes provided and properly sealed. There must be no indication of the name and address of the tenderer on the envelope.

Tenders received after the above stipulated closing time will be rejected.

All tenderers are advised to obtain the tender documents as soon as possible. Documents will not be issued to any tenderer three (3) days before the closing date.

The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## KENYATAAN TAWARAN

PEMBORONG2 tempatan ada-lah di-pelawa bagi menghantarkan tawaran mereka kapada Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Brunei tidak lewat pada 5hb Mach, 1979 jam 12.00 tengah hari, untok membekalkan 6 biji engine sangkut bagi Jabatan Hal Ehwal Ugama saperti keterangan yang berikut-nya : —

a) Engine sangkut 85 kuasa kuda — 1 biji;
b) Engine sangkut 65 atau 70 kuasa kuda — 1 biji;
c) Engine sangkut 50 kuasa kuda — 2 biji; dan
d) Engine sangkut 40 kuasa kuda — 2 biji

2. Pemborong2 yang menghantarkan tawaran mereka ada-lah di-kehendaki menghantarkan catalogue (gambar) jenis engine sangkut yang di-tawarkan serta butir2 yang berikut : —

a) Tarikh sampai;
b) Harga CIF, Brunei; dan
c) Lama dalam jaminan.

3. Wang diposit sebanyak $200.00 untok keselurohan tawaran itu hendak-lah di-bayar ka-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Bandar Seri Begawan, Brunei di-Bahagian Kewangan di-Tingkat Pertama, pada bila2 masa waktu bekerja biasa sehingga 17hb Februari, 1979 jam 3.00 petang.

4. Kerajaan tidak akan terikat menerima tawaran yang paling murah atau sebarang tawaran mengenai-nya.

